

**MINIT MESUARAT WORKING GROUP LHDNM DENGAN PERSATUAN
AKAUNTAN DESIRE - BIL. 2/2010**

Tarikh: 20 Julai 2010 (Selasa)
Masa: 9.30 pagi
Tempat: Dewan Perdana
Tingkat 16, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta,
Kuala Lumpur

Kehadiran:

PEGAWAI LHNDM		
1.	Y.Bhg Dato' Dr. Mohd. Shukor Bin Hj. Mahfar	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) (Pengerusi)
2.	Encik Mahmood Bin Daud	Pengarah Pejabat Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya
3.	Puan Asriah Bt. Shaari	Pengarah Pejabat Negeri Selangor
4.	Cik Puteh Mariah Bt. Harun	Pengarah Jabatan Pungutan Hasil
5.	Encik Mohd Zaiki Bin Ariffin	Pengarah Bahagian Dasar Dan Operasi, Jabatan Operasi Cukai
6.	Encik Sani Bin Mohd Taib	Pengarah Bahagian Aplikasi e-Services, Jabatan Teknologi Maklumat
7.	Puan Umi Kalsom Bt. Harun	Pengarah Bahagian Pembangunan, Jabatan Pungutan Hasil
8.	Encik Koay Chuan Seng	Pengarah Bahagian Pembangunan Audit, Jabatan Pematuhan Cukai
9.	Puan Salmah Bt. Che Ros	Pengarah Bahagian Pusat Khidmat Pelanggan, Jabatan Khidmat Korporat
10.	Encik Tan Sin Huat	Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Duti Setem, Jabatan Operasi Cukai
11.	Encik Abd Rahman Bin Yusof	Ketua Unit e-Filing , Jabatan Teknologi Maklumat
12.	Encik Mohd Yusof Bin Harun	Timbalan Pengarah Jabatan Pemprosesan Maklumat

13.	Encik Baharin Bin Abdul Mubin	Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Operasi, Jabatan Operasi Cukai
14.	Puan Dessy Warnela Jaswar	Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Khidmat Korporat
15.	Puan Fatimah Bt. Ibrahim	Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Khidmat Korporat
16.	Puan Haida Bt. Daud	Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
17.	Puan Wan Saodah Bt. Wan Abu Bakar	Pengarah, Bahagian Pengurusan Pelanggan, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
18.	Puan Ooi Chooi Peng	Penolong Pengarah, Bahagian Dasar & Operasi, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
19.	Puan Muzlifah Bt.Musa	Pegawai Hasil, Jabatan Teknologi Maklumat (Urus setia)
20.	Puan Norhan Bt. Jaafar	Penolong Pegawai Hasil, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
21.	Puan Bavani Joseph	Penolong Pegawai Hasil, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)

WAKIL PERSATUAN AKAUNTAN

22.	Cik Seah Siew Yun	Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
23.	Cik Sim Pei Sheng	CTIM
24.	Encik Lim Kok Seng	CTIM
25.	Cik Lim Shu Bei	CTIM
26.	Encik Beh Tok Koay	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
27.	Cik Heather Khoo	MIA
28.	Puan Azlina Bt. Zakaria	MIA
29.	Puan Tong Siew Choo	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
30.	Puan Cheong Li Wei	MICPA

31.	Puan Woon Yoke Lee	MICPA
32.	Puan Theresa Goh	MICPA
33.	Puan Haslinda Bt Azman	Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
34.	Encik Mohamed Zamani Ismail	MATA
35.	Cik Norashikin Soin@ Sonin	MATA

WAKIL PERSATUAN BEKAS PEGAWAI HASIL DALAM NEGERI

36.	Encik Harpal S Dhillon	Bekas Pegawai Hasil
-----	------------------------	---------------------

1. PENDAHULUAN

- 1.1** YBhg Dato' Pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan mengalukan kehadiran ahli mesyuarat dari wakil Persatuan Akauntan, Bekas Pegawai LHDNM dan juga pegawai LHDNM dari pelbagai Jabatan. Seterusnya ahli mesyuarat baru dijemput memperkenalkan diri masing-masing.
- 1.2** YBhg Dato' Pengerusi mengumumkan bahawa sehingga 30 Jun 2010, penerimaan e-filing adalah sebanyak 1.7 juta berbanding 1.5 juta untuk tempoh yang sama pada tahun 2009. Pengguna e-Filing adalah semakin meningkat setiap tahun.
- 1.3** YBhg Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa adalah mustahil untuk menyediakan satu sistem yang 100% sempurna tetapi yang penting adalah sistem yang disediakan mestilah efektif.
- 1.4** Wakil persatuan juga bersetuju bahawa terdapat kemajuan dalam sistem memandangkan isu yang timbul semakin berkurangan.

2. PERBINCANGAN

ISU YANG DIBANGKIT OLEH CTIM

General Filing Issues

2.1 Missing Forms.

We were informed that some tax return forms went "missing" from the e-filing system but "reappeared" subsequently. In the most recent case, 4-5 files that mysteriously went missing reappeared after the tax agent had contacted the IRB. The tax agent was told that there was some technical issue. This problem has persisted for some time.

LHDNM

LHDNM memerlukan aduan yang lebih tepat/spesifik dari segi masa berlaku, jenis borang yang terlibat dan sama ada e-Filing individu atau TAEF. Sekiranya telah dimaklumkan kepada HelpIT e-Filing, sila rujuk aduan yang telah dibuat bagi membolehkan semakan kepada log error report .

Contoh kes:

Borang e-C 2009

Tarikh dilaporkan : 18 Jun 2010

No. Cukai Pendapatan : C1075880408

Nama firma ejen cukai : Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd

2.2 Unable to request for certificate of acknowledgements

We have also received reports from members that sometimes they are unable to request for acknowledgement. However, if they waited for about 30 minutes and then requested it again (or tried to retrieve it the following day), often they will be able to get the documents/ acknowledgement. Otherwise they need to contact the IRB to rectify the problem in order to get the documents. In all cases, the e-Borang was shown as having been filed, but when the user requests the acknowledgement, the TAeF responds with the message that the form does not exist. This problem has been in existence for quite some time and the most recent one happened about 2-3 weeks ago.

LHDNM

Perkara ini berlaku disebabkan masalah teknikal pada pangkalan data (database) e-Filing pada 29 Jun 2010 selama 2 minit dan semakan dibuat mendapat hanya 100 transaksi yang terlibat. Pembetulan pada pangkalan data perlu dibuat segera bagi mengelakkan gangguan yang lebih serius.

Masalah ini telah menyebabkan status borang telah diupdate sebagai "Telah Dihantar". Apabila semakan dibuat pada semakan pengesahan, sistem memberikan mesej "Borang Belum Diterima". Masalah tersebut diselesaikan dengan mengemas kini borang tersebut kepada status yang betul.

YBhg Dato' Pengurus menyarankan semasa penyenggaraan sistem e-Filing, mesej perlu dipaparkan pada laman web untuk memberi makluman kepada pengguna atas talian pada ketika itu.

YA 2010 Filing Issues

2.3 Status of Client to Host Application

The Institute would like to know at what stage is the development of Client to Host Application. What are the targeted delivery times?

LHDNM

Bil.	Keterangan	Tarikh Sasaran
FASA 1		
1	Penyerahan Dokumen Teknikal terkini untuk sistem <i>Client to Host</i> bagi e-B	03 Ogos 2010
2	Penyediaan sistem <i>Client to Host</i> bagi e-B di persekitaran e-Latihan	03 Ogos 2010
3	Jangkaan masa selama 1 bulan untuk <i>Software Provider Tax Agent</i> membangunkan modul integrasi antara sistem <i>Client to Host</i> e-B dengan <i>Tax Agent Software</i> sedia ada	04 Ogos 2010 – 04 Sept 2010
4	Proses akhir pengemaskinian dan perubahan sistem hasil dari maklum balas SPTA semasa proses integrasi	06 Sept 2010 – 08 Sept 2010
5	Penyediaan sistem <i>Client to Host</i> bagi e-B di persekitaran <i>production</i>	09 Sept 2010
6	Sistem <i>Live</i> bagi e-B	10 Sept 2010
FASA 2		
1	Penyerahan Dokumen Teknikal terkini untuk sistem <i>Client to Host</i> bagi e-C & e-R	13 Sept 2010
2	Penyediaan sistem <i>Client to Host</i> bagi e-C & e-R di persekitaran e-Latihan	13 Sept 2010
3	Jangkaan masa selama 1 bulan untuk <i>Software Provider Tax Agent</i> membangunkan modul integrasi antara sistem <i>Client to Host</i> e-C & e-R dengan <i>Tax Agent Software</i> sedia ada	14 Sept 2010 – 14 Okt 2010
4	Proses akhir pengemaskinian dan perubahan sistem hasil dari maklum balas SPTA semasa proses integrasi	15 Okt 2010 – 19 Okt 2010
5	Penyediaan sistem <i>Client to Host</i> bagi e-C & e-R di persekitaran <i>production</i>	20 Okt 2010
6	Sistem <i>Live</i> bagi e-C & e-R	21 Okt 2010
FASA 3		
1	Penyerahan Dokumen Teknikal terkini untuk sistem <i>Client to Host</i> bagi e-P	06 Jan 2011
2	Penyediaan sistem <i>Client to Host</i> bagi e-P di persekitaran e-Latihan	06 Jan 2011
3	Jangkaan masa selama 1 bulan untuk <i>Software Provider Tax Agent</i> membangunkan modul integrasi antara sistem <i>Client to Host</i> e-P dengan <i>Tax Agent Software</i> sedia ada	07 Jan 2011 – 07 Feb 2011
4	Proses akhir pengemaskinian dan perubahan sistem hasil dari maklum balas SPTA semasa proses integrasi	08 Feb 2011 – 10 Feb 2011
5	Penyediaan sistem <i>Client to Host</i> bagi e-P di persekitaran <i>production</i>	11 Feb 2011
6	Sistem <i>Live</i> bagi e-P	12 Feb 2011

ISU TAMBAHAN DARI CTIM

2.4 PCB audit on partnership

The issue:

The Institute has been informed by a member that a PCB Audit had been conducted and penalty imposed on the salary received by partners in the partnership business whereby no Monthly Tax Deductions (MTD) had been made under the Income Tax (Deduction from Remuneration) Rules 1994. This is because the individual partners have been subject to the compulsory bi-monthly instalment payment scheme via the Notice of Instalment Payment (i.e. CP500) issued by the IRB.

Our comments:

The Institute is of the view that penalties for non-deduction of STD should not be imposed in such a scenario as the partners are already under a similar compulsory instalment payment scheme (CP500). It would be an unnecessary burden to the partners to subject them to the MTD scheme as well.

The Institute would like to seek confirmation from the IRB that no penalties will be imposed on the taxpayers in such cases, and that any penalties imposed will be cancelled/remitted.

LHDNM

YBhg Dato' Penggerusi memaklumkan bahawa pendapatan penggajian ahli kongsi daripada perkongsian adalah sebahagian dari pendapatan perniagaan dan sepatutnya tertakluk kepada bayaran ansuran CP 500 dan bukannya PCB. Begitu juga bagi kes pemilik tunggal. Oleh itu kes seperti ini sepatutnya tidak dikenakan kompaun PCB.

Jabatan Pematuhan Cukai diminta mengeluarkan arahan kepada cawangan berkenaan isu ini.

Pembayar cukai diperingatkan supaya mengisi Borang B dengan betul di mana pendapatan penggajian dari perkongsian dan perniagaan tunggal perlu dianggap sebagai pendapatan perniagaan dan diisi dalam ruangan "Perniagaan" dan BUKANNYA ruangan "Penggajian". Ini adalah untuk memastikan amaun anggaran untuk CP 500 adalah tepat iaitu termasuk pendapatan "penggajian" tersebut.

Tindakan: LHDNM (JPC)

2.5 SME – Exemption from furnishing estimate of tax payable

The issue:

The Institute has received a number of complaints that penalties have been imposed by the IRB for non-submission of estimate of tax payable (CP204) by new SMEs.

Our comments:

Based on Section 107C(4A) of the Income Tax Act, 1967, with effect from the year of assessment 2008, SMEs are exempted from submitting their estimates of tax payable and making instalment payments for two years of assessment beginning from the date of commencement of operations.

The Institute would like to seek clarification from the IRB on the above matter.

LHDNM

Mesyuarat dimaklumkan bahawa LHDNM tidak akan mengetahui sesuatu syarikat adalah SME baru tanpa dimaklumkan oleh pembayar cukai sendiri.

Dicadangkan supaya Borang CP204 dipinda untuk mengambil kira kes-kes SME baru yang tidak tertakluk kepada CP204.

Pembayar cukai dinasihatkan supaya membuat rayuan ke cawangan yang berkenaan sekiranya dikenakan penalti ke atas kes-kes sebegini.

Tindakan: LHDNM (JPH)

ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH MICPA

2.6 TAX TREATMENT FOR DIRECTORS' FEE & BONUS ACCRUED

IN COMPANY

It has been treated as ALLOWABLE expenses incurred in the year of provision in a/c

FOR INDIVIDUAL

Prior to YA 2009, the recipient is tax on RECEIPT basis and tax on relevant period.

Effective YA 2009, the recipient is tax on RECEIPT basis and tax on YEAR of receipt.

We seek clarification for differences in opinion for instances as below :

For INDIVIDUAL

- (a) Prior YA 2009, to be taxed on ACCRUAL basis in order to be consistent with Matching Concept , where company has expensed out in a/c say 2007, individual also has to declare in personal tax form for YA 2007 eventhough not received.
- (b) Effective YA 2009, company has expensed in year 2009 and individual declare in year of receipt say 2011. Again fail to comply MATCHING concept.

FOR COMPANY

In view of the expenses has NOT been made during the year of provision, and the word provision is used for directors' fee and bonus, hence, "provision" is NON allowable expenses.

LHDNM

Isu ini adalah isu teknikal dan akan dipanjangkan ke Jabatan Dasar Percukaian untuk tindakan seterusnya.

Tindakan: LHDNM (JDP)

2.7 LOAN TO DIRECTORS

IRB officer has the view that total amount loan to directors is BIK.

"Pinjaman kepada pengarah boleh dianggap sebagai " Benefit in Kind" di bawah Perenggan 13(1)(b) ACP 1967 WALAUPUN kemudiannya dibayar balik oleh pengarah."

LHDNM

Isu ini adalah isu teknikal dan akan dipanjangkan ke Jabatan Dasar Percukaian untuk tindakan seterusnya.

Tindakan: LHDNM (JDP)

3. HAL-HAL LAIN

3.1 Notis Taksiran (Borang J)

- 3.1.1 Wakil persatuan memaklumkan terdapat 200 kes di mana Borang J 2008 dikeluarkan kepada bekas pegawai-pegawai dagang 'expatriate' yang telah pun meninggalkan Malaysia dalam tahun 2007 walaupun Surat Penyelesaian Cukai telah dikeluarkan. Isu ini telah dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Dasar & Operasi, Jabatan Operasi Cukai untuk tindakan.

Tindakan: LHDNM (JOC)

- 3.1.2 Wakil persatuan memaklumkan bahawa terdapat kes di mana notis taksiran yang dialamatkan ke alamat ejen cukai adalah tidak diterima. Ejen cukai hanya sedar kejadian ini apabila pembayar cukai dikenakan kenaikan cukai. Isu ini telah dikemukakan ke cawangan yang berkaitan. YBhg Dato' Pengerusi menyarankan supaya salinan surat rayuan / senarai kes dihantar kepada Pengarah Bahagian Dasar & Operasi untuk semakan.

Tindakan: Wakil Persatuan / LHDNM (JOC)

3.2 Pengemukaan Borang R

Mesyuarat memaklumkan bahawa mengikut peruntukan seksyen 49 Akta Kewangan 2009 (Akta 693), syarikat yang telah membuat pilihan untuk mengabaikan baki 108 / baki 108 tersebut adalah dikehendaki menghantar Borang R.

Kategori syarikat yang TIDAK PERLU menghantar Borang R hanya terpakai bagi kes syarikat yang baru beroperasi selepas 31.12.2007.

Perkara ini telah dibangkitkan dan dijawab dalam mesyuarat yang lepas. Sila rujuk perenggan 3.7 di muka surat 15 Minit Mesyuarat Bil.1/2010.

3.3 Penalti subseksyen 112(3)

YBhg Dato' Pengerusi memberitahu bahawa kadar penalti subseksyen 112(3) adalah berdasarkan bilangan kesalahan tanpa mengambil kira sama ada Borang Nyata Cukai Pendapatan untuk beberapa tahun dihantar serentak atau secara berasingan.

3.4 Kedudukan Cukai

- 3.4.1 Wakil persatuan membangkitkan isu di mana baki kredit dalam akaun telah digunakan untuk menolak amaun penalti / kenaikan cukai tanpa disedari pembayar cukai. Tetapi sebenarnya pembayar cukai telah menggunakan baki kredit tersebut untuk membayar sebahagian bayaran ansuran mengikut CP500 / CP204. Ini telah mengakibatkan pembayar cukai dikenakan kenaikan cukai atas sebab baki kredit telah berkurangan setelah menolak amaun penalti / kenaikan cukai tersebut. Wakil persatuan diminta mengemukakan contoh kes untuk semakan Jabatan Pungutan Hasil.

Tindakan: Wakil Persatuan / LHDNM (JPH)

- 3.4.2** YBhg Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa pembayar cukai akan mengetahui kedudukan cukainya sendiri melalui sistem e-Lejer di masa hadapan. Sistem ini masih di peringkat penggunaan pegawai LHDNM sekarang ini dan dijangka akan dilancarkan kepada pembayar cukai pada tahun depan.

3.5 Audit Luar

Wakil persatuan mendakwa terdapat kes audit luar yang melibatkan terlalu ramai pegawai audit dan meliputi banyak tahun taksiran.

Satu contoh kes audit luar di Kuching telah dikendalikan oleh 7 orang pegawai audit dan meliputi 5 tahun taksiran. Keadaan ini telah melambatkan proses audit yang dijalankan di premis pembayar cukai, lebih-lebih lagi ramai di antara pegawai audit tersebut adalah pegawai baru yang tidak berpengalaman.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa mengikut Rangka Kerja Audit, secara umumnya, audit cukai yang dijalankan meliputi 1 hingga 3 tahun taksiran bergantung pada fokus audit yang telah ditetapkan. Dalam keadaan biasa, tempoh masa yang diambil untuk audit luar adalah antara 2 hingga 3 hari. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut mungkin dilanjutkan bergantung kepada faktor-faktor tertentu seperti yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Audit. Jabatan Pematuhan Cukai disarankan untuk memastikan semua pegawai audit mematuhi Rangka Kerja Audit yang telah ditetapkan.

Wakil persatuan telah mengemukakan contoh kes untuk semakan dan tindakan Jabatan Pematuhan Cukai.

Tindakan: LHDNM (JPC)

3.6 Tambahan Masa ('Grace Period') Untuk Mengemukakan Borang Nyata Kertas Melalui Pos

- 3.6.1** YBhg Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa tambahan masa 7 hari selepas tarikh akhir pengemukaan borang telah dibenarkan untuk pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang tarikh akhir pengemukaan borang jatuh dalam **tahun kalender 2010**. Tambahan masa ini terpakai untuk borang nyata kertas yang dihantar melalui pos dan serahan tangan.
- 3.6.2** Mulai tahun 2011, tambahan masa untuk pengemukaan BNCP akan dikurangkan kepada **3 hari** selepas tarikh akhir pengemukaan borang. Tambahan masa ini terpakai untuk BNCP kertas yang

tarikh akhir pengemukaan borang jatuh dalam **tahun kalender 2011** dan **dihantar melalui pos.**

- 3.6.3** Tambahan masa seperti yang dinyatakan di perenggan 3.6.1 dan 3.6.2 **TIDAK TERPAKAI** untuk BNCP yang dihantar melalui media elektronik.
- 3.6.4** Jabatan Operasi Cukai akan mengeluarkan surat pemberitahuan berkenaan isu ini.

Tindakan: LHDNM (JOC)

4. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menangguhkan mesyuarat pada pukul 11.00 pagi.